

## **Biografi Ibnu Sahnun: Ulama Pendidikan Kanak-Kanak**

*[Biography of Ibnu Sahnun: Child Education Scholar]*

**Shahnun Binti Haji Musa<sup>1</sup> & Burhan Che Daud<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Islamic Studies, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: shahnunmusa70@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Language Studies and Human Development, University Malaysia Kelantan, 16300, Malaysia. e-mail: burhan@umk.edu.my

### **ABSTRACT**

*Ibnu Sahnun (m256H) founded the proliferation and augmentation of educational ideas in the context of teaching and learning in kuttab (children's education centers). His experience, thinking and personality have produced a comprehensive and consistent educational perspective across the ages. This article highlights the biography of Ibnu Sahnun, a murabbi scholar with direct education experience in kuttab. It covers the background of his life, education, experience, character, and contribution to children's education. The approach of this study is qualitative, which is the analysis of historical and contemporary documents related to his life history, educational development, experience, and character. This article presents Ibnu Sahnun as a scholar who has a great character in the thought of children's education through the solidity of education, personal excellence, diversity of areas of expertise and clarity of thought that he has. After all, the findings of this study clarify the background of his life and family, education, character, and experience as a pioneering scholar figure in the thinking of children's education which proved to be very effective in his time and can be used as a guide for education until now.*

**Keywords:** *Ibn Sahnun; Islamic Education, Kuttab, Kitab Adab al-Mu'allimin*

---

### **ABSTRAK**

Ibnu Sahnun (m256H) telah mengasaskan percambahan dan pertumbuhan idea pendidikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di *kuttab* (pusat pendidikan kanak-kanak). Pengalaman, pemikiran dan ketokohan beliau telah menghasilkan satu perspektif pendidikan yang komprehensif dan tekal merentasi zaman. Artikel ini menyorot biografi Ibnu Sahnun sebagai seorang ulama murabbi dan mempunyai pengalaman secara langsung dalam pendidikan di *kuttab*. Ia meliputi latar belakang kehidupan, pendidikan, pengalaman, karya serta sumbangan beliau kepada pendidikan kanak-kanak. Pendekatan kajian ini adalah secara kualitatif, iaitu analisis dokumen sejarah dan kontemporari berkaitan dengan sejarah kehidupan, pendidikan,

pengalaman dan bidang ketokohan beliau. Artikel ini menampilkan latar belakang kehidupan Ibnu Sahnun sebagai ulama yang mempunyai ketokohan hebat dalam pemikiran pendidikan kanak-kanak melalui aspek kemantapan pendidikan, keunggulan peribadi, kepelbagaian bidang kepakaran dan kejelasan pemikiran yang beliau miliki. Tuntasnya dapatan kajian ini memperjelaskan lagi latar belakang kehidupan dan keluarga, pendidikan, keperibadian, karya penulisan dan pengalaman beliau sebagai seorang tokoh ulama perintis dalam pemikiran pendidikan kanak-kanak yang terbukti sangat berkesan pada zaman beliau dan boleh dijadikan panduan pendidikan hingga sekarang.

**Kata Kunci:** Ibnu Sahnun; Pendidikan Islam; Kuttab; Kitab *Adab al-Mu'allimin*.

**How to Cite:**

Received : 29-03-2023

Accepted : 27-05-2023

Published : 31-05-2023

Shahnun, B. H. M., & Burhan, C. D. (2023). Biografi Ibnu

Sahnun: Ulama Pendidikan Kanak-Kanak. *RABBANICA -*

*Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 127-141.

## 1. Pendahuluan

Sistem pendidikan merupakan satu wahana penting dalam menyampai dan menerapkan ilmu pengetahuan untuk membentuk dan melahirkan individu muslim. Ia juga merupakan satu usaha yang berterusan untuk mendidik dengan ilmu pengetahuan meliputi ilmu akidah, syariah dan akhlak. Selain penyampaian ilmu, pendidikan Islam memberi penekanan kepada penghayatan akidah Islam, pelaksanaan ibadat khusus dan umum, menyediakan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap pencipta, manusia dan alam menjadikannya cara hidup sebagaimana tuntutan agama itu sendiri. (Al-Aqil, 2014)

Dalam usaha membimbing manusia menjadikan Islam sebagai cara hidup, maka sudah tentulah pendidikan yang dilaksanakan mestilah berdasarkan visi dan misi ajaran Islam yang suci dan benar. Selain itu, penggunaan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian amat penting untuk membantu individu muslim memahami isi kandungan agama Islam dengan berdasarkan sumber yang betul dan tepat baik secara teori mahupun amali. (Sahin, 2013)

Sejarah menunjukkan bahawa terdapat ramai tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang telah mengemukakan idea dan pemikiran pendidikan dalam pelbagai hasil karya mereka, yang menjadi rujukan dalam pelbagai aspek pendidikan sehingga kini. Setiap ilmuwan tersebut menggarap idea pendidikan berdasarkan konsep pemikiran dan ketokohan mereka tersendiri. (Hilgendorf, 2003)

Kajian ini bertujuan menganalisis biografi Ibnu Sahnun sebagai ulama faqih dalam menyusun idea dan pandangan tentang pendidikan kanak-kanak.

Ibnu Sahnun ialah Muhammad bin Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al- Tanukhi. (Abu Bakar Abdullah, 1994) Gelaran beliau ialah Abu Abdullah. (Adil, 2014) Beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibnu Sahnun, iaitu sandaran kepada gelaran bapanya Abdul Salam Sahnun. Beliau dilahirkan di Qairawan pada tahun 202 H bersamaan 817M (Muhammad, 1984).

Hasil didikan dan asuhan yang diterima terutamanya daripada bapa beliau sendiri, Ibnu Sahnun membesar sebagai remaja yang sangat baik pendidikannya, cintakan ilmu dan menunjukkan bakat yang besar dalam keilmuan dan kepimpinan. Pengajian yang diterima daripada para ulama dari pelbagai tempat dan pelbagai bidang kepakaran menjadikan Ibnu Sahnun seorang ulama dengan ketokohan yang luar biasa. Beliau mempunyai ilmu yang sangat luas, akhlak yang sangat baik serta memiliki sahsiah yang unggul.

Melalui penulisan artikel ini, diharapkan menjadi usaha bermakna memperkenalkan Ibnu Sahnun sebagai tokoh ilmunan perintis dalam pendidikan kanak-kanak dan memugarkan kembali pemikiran klasik beliau ke persada pemikiran semasa. Hasil penyusunan idea dan pemikiran pendidikan beliau melalui karya berjudul *Adab al- Mu'allimin* yang ditulis pada abad ketiga Hijrah ini telah membuktikan ketokohan beliau dan wajar sekali idea pendidikan beliau dijadikan panduan dalam usaha pendidikan Islam kepada kanak-kanak masa kini.

## 2. Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian berkaitan pemikiran tokoh-tokoh pemikir Islam dalam bidang pendidikan. Kepelbagaian subjek kajian pendidikan yang dibuat berkaitan tokoh-tokoh tersebut, termasuklah falsafah pendidikan, kurikulum dan pendekatan pendidikan. Menurut (Afridi, 2016) antara tokoh pemikir awal dalam pendidikan ialah al-Jahiz (m256H/869M), Ibnu Sahnun (m256H/869M), Al-Qabisi (m324H/ 935M), Al-Farabi (m338H/950M), Ibnu Sina (m428H/1037M) dan Al-Ghazali (m505H/1111M). Manakala Antara tokoh yang terdapat kajian berkaitan pendidikan kanak-kanak ialah Hassan Langgulung (Rusleda, 2018), Abdullah Nasih Ulwan (Ahmad Rizal, 2021), Al-Ghazali (Mohd Syaubari, 2016), Ibnu Khaldun dan Ibnu Sina.

Manakala kajian lepas berkaitan ketokohan Ibnu Sahnun pula diperolehi daripada (Nurhayati, 2015). Melalui kajian tersebut, beliau melaporkan bahawa Muhammad Ibnu Sahnun (m256H) tokoh pendidikan Islam pada abad ketiga hijrah dan terkenal sebagai tokoh pendidikan Islam generasi pertama, kerana beliau memberi perhatian serius terhadap masalah-masalah pendidikan Islam. Beliau merupakan tokoh Islam masa lampau yang

tokoh pemikir yang pertama merumuskan teori Pendidikan Islam yang menyeluruh.

Kajian daripada Sha'ban (1995) pula menunjukkan bahawa ketokohan Ibnu Sahnun sebagai pengasas teori Pendidikan Islam dipengaruhi oleh faktor-faktor yang terdiri daripada faktor bapa, sikap Ibnu Sahnun terhadap ilmu dan persekitaran kehidupan beliau. Begitu juga laporan kajian (Manik, 2016) bahawa penekanan bapa beliau terhadap pendidikan telah berjaya membina minat yang mendalam terhadap ilmu dan bersungguh untuk menambahkan ilmu dengan rehlah ilmiah menjadikan beliau seorang yang arif dalam ilmu Hadis, al-Athar, fiqh dan akidah. Keadaan persekitaran kehidupan beliau pada masa itu yang berpegang kepada akidah *ahli sunnah wal jamaah* telah membentuk karakter seorang ulama *ahli sunnah wal jamaah* yang sangat berbakat dan berkaliber.

Selain faktor tersebut, (Al-Hunaidi, 2015) melalui kajiannya telah merumuskan faktor yang mempengaruhi penguasaan dan kecemerlangan Ibnu Sahnun dalam bidang ilmu yang dipelajari. Faktor utama ialah peranan bapanya, Selain daripada menghantar anaknya belajar di *kuttab*, beliau juga selalu membawa Ibnu Sahnun bersama-sama ke majlis ilmu dan menyertai perbincangan-perbincangan ilmiah termasuk berdebat dan bertukar-tukar pandangan tentang sesuatu isu.

Manakala faktor kedua ialah semarak perkembangan ilmu yang berlaku pada masa tersebut. Kedudukan yang berhampiran dengan pusat perkembangan Islam iaitu, Mekah, Madinah dan Kaherah. Suasana perkembangan Islam yang begitu pesat dengan usaha penyebaran ilmu dan dakwah oleh para ulama menjadikan masyarakat pada masa itu sangat mementingkan pengajian dan penyebaran ilmu. Majlis-majlis ilmu dan halaqat-halaqat pengajian terdapat di serata masjid dan jamek. Secara tidak langsung, suasana ini telah memberi kesan yang besar kepada kecemerlangan keilmuan Ibnu Sahnun. Faktor yang ketiga ialah akidah Ahlil Sunnah. Beliau hidup dalam perkembangan ilmu dengan panduan Imam Malik yang mempunyai pandangan yang jelas terhadap pegangan akidah *Ahlil Sunnah wal Jamaah*.

Daripada kajian-kajian lepas di atas, terdapat kajian yang membuktikan Ibnu Sahnun sebagai salah seorang pemikiran pendidikan Islam, tetapi tidak mengemukakan secara terperinci berkaitan biografi beliau. Begitu juga kajian berkaitan ketokohan Ibnu Sahnun, menumpukan berkaitan faktor-faktor membentuk ketokohan beliau. Dengan ini, kajian dalam artikel adalah untuk melihat latar belakang kehidupan, pendidikan, keperibadian, ketokohan dan kepaakaran serta karya penulisan beliau sebagai ulama dalam pendidikan kanak-kanak.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan secara kualitatif, kaedah yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap data kontemporari dan data sejarah. Pengumpulan data berkenaan tertumpu kepada sebarang penulisan ilmiah berkaitan tokoh yang dikaji iaitu Ibnu Sahnun, berkaitan dengan perjalanan perkembangan keilmuan dan ketokohan beliau. Begitu juga dengan pengumpulan data berkaitan dengan sumbangan dan hasil karya beliau terutama Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Dapatan kajian artikel ini akan dapat menjelaskan latar belakang kehidupan, pendidikan, karya dan sumbangan Ibnu Sahnun terhadap pendidikan kanak-kanak.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

Ibnu Sahnun merupakan seorang faqih huffaz yang mempunyai pemikiran pendidikan berdasarkan prinsip fiqhiyyah dengan bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Hadis. Hasil penelitian, penjelasan biografi Ibnu Sahnun sebagai ulama pendidikan kanak-kanak melalui aspek berikut;

#### 4.1 Latar Belakang Kehidupan Ibnu Sahnun

Nama sebenar Ibnu Sahnun ialah Muhammad bin Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al- Tunûkhî. (Abu Bakar Abdullah, 1994) Gelaran beliau ialah Abu Abdullah. (Adil, 2014) Beliau lebih dikenali dengan Ibnu Sahnun, iaitu sandaran kepada gelaran bapanya Abdul Salam Sahnun. Beliau dilahirkan di Qairawan pada tahun 202 H bersamaan 817M (Muhammad, 1984) dan meninggal dunia pada tahun 256 H bersamaan 870M.

Ibnu Sahnun berketurunan Arab Homs, Syam (sekarang dikenali dengan Syria). Bermula dengan datuk beliau, Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al- Tunûkhî menyertai rombongan pejuang muslimin menyampaikan dakwah Islam di Utara Afrika. Kemudian beliau tinggal untuk beberapa ketika di Qairawan bersama sebahagian besar ahli rombongan tersebut. (al-Sabti, t.th)

Ibnu Sahnun dilahir dan dibesarkan dalam sebuah keluarga ilmunan dan terkenal. Ayah Ibnu Sahnun bernama Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al- Tunukhi al-Qairawani al-Maliki. (Abu Bakar Abdullah, 1994) Imam Sahnun merupakan ulama' Afrika, mazhab Maliki yang hebat dan terkenal di Moroco dan Sepanyol. Beliau mengembangkan ilmu dan fahaman mazhab Maliki di Moroco (Al-Jazari, t.th) Imam Sahnun terkenal sebagai seorang yang sangat mencintai

ilmu dan berguru dengan pelbagai ulama' dari Afrika, Mesir, Hijaz, Mekah dan Syam.

Kehebatan ilmu dan ketokohan Imam Sahnun dalam bidang Fiqh terutamanya berkaitan mazhab Maliki tersebar luas. Walaubagaimanapun Imam Sahnun tidak banyak mencatat ilmu beliau kecuali al-Mudawwanah al-Kubra yang menjadi rujukan utama berkaitan Fiqh Imam Malik pada masa itu. (Azib, 1992) Keadaan ini mendorong Raja Al-Aghlabi Muhammad Abi Jaafar bin al-Aghlab untuk melantik Imam Sahnun sebagai qadhi Afrika, dengan persetujuan beberapa orang 'ulama di sana. (Al-Haris, t.th)

Selain itu, Ibnu Sahnun juga mempunyai seorang bapa saudara, iaitu abang kepada ayahnya yang bernama Habib bin Sa'id. Habib bukan sahaja sahabat seperguruan kepada bapanya Sahnun, bahkan juga menjadi guru kepada Sahnun. (Al-Dibagh, 1968). Beliau merupakan seorang 'ulama Fiqh yang soleh dan siqah. (Abu al-Arab, t.th)

Ibnu Sahnun juga mempunyai seorang adik yang bernama Khadijah binti Abu Sa'id Sahnun (lahir 240H, meninggal dunia tahun 270H). Adik beliau merupakan murid kepada bapa mereka, Imam Sahnun yang terkenal dan menyerlah kelimuannya dalam bidang Fiqh. Beliau dikenali sebagai seorang 'ulama wanita yang sangat cerdas dan baik akhlaknya, menjadi tempat rujukan fatwa terhadap isu dan masalah berkaitan wanita pada ketika itu. (Mahluf, 1349).

Selain daripada bapa saudara dan adik beliau, Ibnu Sahnun juga mempunyai seorang sepupu yang juga merupakan seorang 'ulama di Mesir. Beliau ialah Ahmad bin Lubdah atau lebih dikenali dengan Abu Jaafar Ibnu akhi Sahnun. Ahmad Lubdah dilahirkan di Mesir pada tahun 170H dan meninggal pada tahun 248H. (Ibnu Farhun, 1982) Ahmad Lubdah banyak berguru dengan bapa sudaranya Imam Sahnun dan dikenali sebagai ahli Sahnun dalam mengeluarkan pandangan terhadap permasalahan Fiqh. (Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972)

Dari sini, jelas sekali bahawa Ibnu Sahnun dibesarkan di dalam keluarga ilmuwan, mementingkan nilai ilmu kepada agama dan masyarakat serta terlibat di dalam perbincangan dan pengembangan ilmu secara aktif.

#### **4.2 Pendidikan**

Sebagai seorang anak yang dilahir dan dibesarkan dalam persekitaran keluarga ilmuwan yang aktif dengan aktiviti ilmiah, Ibnu Sahnun sentiasa terdedah dengan pengajian, perbincangan dan pengajaran. Pada peringkat awal usia, guru beliau yang pertama dan utama adalah bapanya Imam Sahnun seorang ulama faqih Mazhab Maliki dan muhaddis yang alim dan terkenal. Beliau dihantar belajar di *kuttab*, sebagaimana lazim untuk pendidikan

kanak-kanak Qairawan pada masa itu dan belajar bersama-sama dengan mereka.

Setelah tamat hafazan al-Quran dan pengajian di *kuttab*, Ibnu Sahnun meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau berguru dan membesar sebagai pemuda faqih dalam didikan bapanya. Beliau banyak berdebat dengan bapanya dalam pelbagai masalah ilmiah. (Iyadh, 1983) Menurut (Al-Maliki, 1994; Makhluif, 1931), antara guru beliau di Qairawan ialah Abdul Salam Sahnun bin Said al-Tanukhi (m140H), Musa bin Mu'awiyah bin al-Sumadihi (m225H), Abdullah bin Abul Hassan al-Yahsubi.

Bapa beliau berpuashati dengan pencapaian ilmu daripada pengajian Ibnu Sahnun dengan ulama Qairawan dan menyuruhnya keluar mengerjakan haji di Mekah di samping menziarahi ulama di Hijaz dan belajar daripada mereka. Pada tahun 235H ketika beruasa 33 tahun (Al-Azhari, 2011) Ibnu Sahnun bersama seorang sahabat beliau yang dikenali dengan Abi al-Fadhli bin Hamid telah mengembara ke Mesir dan belajar dari beberapa orang ulama yang terkenal, tinggal dan musahabah dengan mereka. (Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972) (Al-Azhari, 2011) (Iyadh, 1983) Antara guru beliau di sana ialah Abu Raja' bin Asyhab bin Abdul Aziz, Al-Muzani (m264H) dan Abi al-Tahir Ahmad bin 'Amru bin Al-Sarhu (m250H).

Setelah tinggal berguru di Mesir beberapa ketika, Ibnu Sahnun bergerak menuju ke Hijaz dan mengerjakan fardhu haji. Usia beliau ketika itu ialah 35 tahun. (Iyadh, 1983) Setelah selesai ibadah haji, beliau menuju ke Madinah. Di sana, beliau memperdalamkan ilmu Mazhab Maliki dari sumber-sumber ilmu Imam Malik dengan perantaraan sahabat-sahabat Imam Malik. (Iyadh, 1983) Terdapat ramai guru beliau di Madinah, (Al-Husain, 1991) antaranya ialah Abu Mus'ab Ahmad bin Abu Bakar al-Zuhri (m242H). Ya'akub bin Humid bin Kasib (m241 H) Salmah bin Shabib al-Naisaburi (m247H). Abi Zur'ah Abdul Rahman bin 'Amru al-Nasri al-Dimasyqi (m281H).

Setelah itu pada tahun 138H (Al-Azhari, 2011), Ibnu Sahnun kembali ke tanah airnya dengan membawa perolehan ilmu dari pelbagai ulama dalam pelbagai bidang ilmu seperti Hadith, Athar dan pelbagai mazhab Fiqh. Beliau menziarahi dan belajar dengan ulama dari pelbagai tempat termasuklah di Syam, Mesir, Mekah dan Madinah. Selain berguru, beliau juga dapat menjalinkan hubungan dengan pelbagai lapisan ulama. Kemudiannya, beliau pulang ke Qairawan untuk menyebarkan ilmu ke seluruh pelusuk Afrika. (Abdul Maula, 1981)

### 4.3 Keperibadian

Beliau terkenal dengan keperibadian unggul yang menjadi perhatian dan dihormati oleh pelbagai golongan yang mengenali beliau. Keunggulan peribadi Ibnu Sahnun boleh diklasifikasikan kepada intelektual, sosial dan kemasyarakatan, adab dan akhlak, keperibadian ulama serta kepimpinan dan pendidik. Keunggulan dari segi intelektual, beliau merupakan seorang yang bijak ('Iyadh, 1983; Ibnu Farhun, 1982), progresif (Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972; Makhluf, 1931), luas ilmu pengetahuan, alim dan berpandangan jauh (Al-Haris, t.th) (Al-Khusyani, 1994).

Keunggulan peribadi beliau dari segi sosial dan kemasyarakatan pula, beliau merupakan seorang yang berjiwa rakyat, pemurah dan terlibat dengan jihad serta berkawal di ribat berserta dengan penduduk Qairwan. Keunggulan dari aspek adab dan akhlak pula sebagai seorang yang berakhlak mulia dan tawadhuk. Keunggulan dari aspek peribadi ulama, Ibnu Sahnun mempunyai pegangan akidah yang jelas iaitu ahlil sunnah wal jamaah, cintakan ilmu, beramal dengan ilmu, zuhud dan banyak beribadat, warak, tekun, bersemangat waja dan berhati teguh. (Al-Zahabi S. b., 1996; Muhammad M. Z., 1988) (Al-Dibagh, 1968) Keunggulan dari aspek peribadi pemimpin dan pendidik, Imam mazhab ahlil Madinah dan siqah (Abu al-Arab, t.th) Berjiwa pendidik (Al-Maliki, 1994) dan mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah dan pemimpin. ('Iyadh, 1983).

### 4.4 Kepakaran dan Ketokohan

Ibnu Sahnun terkenal sebagai seorang ulama yang pintar dan ketokohan dalam pelbagai aspek. Keunggulan peribadi dan ketokohan Ibnu Sahnun, dapat dilihat daripada gelaran terhadap beliau iaitu *al-imam ibnul imam al-syaikhul Islam wa ilmul a'alam al-faqih al-hafiz al-nazzor ma'a al-jalalah wa al-thiqah wa al-'adalah* (Makhluf, 1931). Antara bidang ketokohan dan sumbangan Ibnu Sahnun ialah;

#### i) Bidang Hadith.

Kesungguhan Ibnu Sahnun mendalami ilmu Hadis, menjadikan beliau seorang yang mengambil berat terhadap periwayatan hadis, mengetahui ilmu *gharib* Hadis dan menilai hadis melalui darjah perawi atau *al-jarh wa al-ta'adil*. Beliau juga menulis banyak buku dan risalah berkaitan dengan riwayat dan dirayah hadis. Beliau juga mampu membuat istinbat hukum syarak berdasarkan sumber hukum iaitu al-Quran dan al-Hadis. (Ibnu Khaldun, 1886)



## ii) Bidang Fiqh.

Ibnu Sahnun adalah ulama mazhab Maliki, terkenal sebagai seorang ahli Hadis dan keluasan ilmu meliputi mazhab-mazhab selain mazhab Maliki. (Al-Khushani, 1993) Beliau dikenali sebagai imam mazhab ahli Madinah di Maghribi. Terhimpun pada dirinya ilmu Fiqh yang sangat mendalam, ilmu Fiqh dalam pelbagai mazhab (penjelasan Mazhab termasuk aliran mazhab di Hijaz), kemampuan berdebat dan menyuarakan pandangan secara jelas.

Beliau juga dapat menangani permasalahan fiqh semasa dengan pantas dan berhati-hati. Begitu juga sangat cekap untuk menjelaskan perkara yang terdapat perbezaan pendapat (*khilaf*) antara ulama dan mazhab. Catatan beliau terhadap permasalahan fiqh boleh dipelajari hingga sekarang melalui kitab Al-Ajwibah yang dikenali juga dengan kitab Fatawa Ibnu Sahnun. Selain itu, dengan ilmu yang luas dan kepakaran yang tinggi dalam bidang fiqh, Ibnu Sahnun dilantik menjadi mufti dan qadhi Qairawan. (Al-Azhari, 2011)

## iii) Bidang akidah dan ilmu kalam.

Beliau terkenal sebagai ahli mutakallimin Qairawan yang handal berdebat dan hebat berdebat untuk menegakkan pegangan akidah Islam yang suci. Beliau bukan hanya berdebat secara berdepan, bahkan banyak menulis buku dan risalah dalam menolak pandangan salah dalam akidah seperti Kitab *al-Hujjah al al-Qadariyah*, *al-hujjah ala ahl al-Shirki* dan lain-lain. (Iyadh, 1983)

## iv) Bidang pendidikan.

Beliau mempunyai pandangan dan pendekatannya tersendiri dalam pendidikan. Rumah beliau juga dijadikan pusat pendidikan dan pengajian yang didatangi oleh murid dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mempelajari pelbagai perkara terutama Fiqh dan Hadis. Dalam konteks pengajaran, beliau memilih untuk menggunakan pendekatan *al-mawsu'iyah* iaitu mempelajari sesuatu secara meluas dan terperinci. Sebagai contoh, apabila seseorang belajar tentang Usul Fiqh, mereka juga perlu mengetahui ulama-ulama dan pandangan yang berkaitan dengan Usul Fiqh. Berbanding pendekatan *wazifiyyah* yang hanya memahami bagaimana menyelesaikan masalah berkaitan sahaja tanpa mengetahui latar belakang fuqaha dan pandangan-pandangan terhadapnya. (Sodiqi, 2019)

Selain daripada menjadi seorang guru di *kuttab*, ketokohan beliau dalam mendidik masyarakat juga terserlah setelah beliau menulis buku berkaitan pendidikan kanak-kanak di *kuttab* yang diberi nama *Kitab Adab al-Mu'allimin*. Kitab ini merupakan catatan perbincangan beliau dengan bapanya Imam Sahnun telah menjadi panduan pendidikan bertulis yang pertama dalam sejarah pendidikan Islam. Buku ini telah dijadikan buku warisan yang pertama menekankan kepada persoalan pengajaran, peranan guru, mata pelajaran yang diajar, hukuman kepada pelajar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti membaca, menulis dan mendengar. Sungguhpun persoalan yang dibincangkan adalah berkaitan situasi semasa di Qairawan pada ketika itu, namun perbincangan penyelesaiannya yang berpandukan syariat telah menjadikannya sesuai untuk seluruh dunia Islam. (Malkawi, 1900)

#### v) Pengajaran Berkelompok.

Ibnu Sahnun adalah seorang guru dalam pelbagai bidang ilmu, menjadi ikutan masyarakatnya dalam kehidupan, dan contoh teladan yang baik. Hal ini disebabkan kepintaran akalnya, kedalaman ilmu dan karismanya, kepakarannya dalam bidang Fiqh dan hukum, kepetahannya dalam berbicara dan berdebat, keelokan perilaku, cara berpakaian, dan gaya hidupnya, semuanya melambangkan seorang yang sempurna pada masa itu. Pelbagai jolokan diberikan kepada Ibnu Sahnun termasuklah imam anak kepada imam (هو الامام ابن الامام) (Al-Dibagh, 1968)

Sungguhpun Ibnu Sahnun sangat suka menyusun dan menulis buku, tetapi beliau tidak terkecuali untuk menyampaikan ilmu dan menyebarkan pengetahuannya kepada pelbagai lapisan murid sama ada di masjid Jami' al-'Uqbah atau di rumahnya sendiri. Beliau didatangi oleh murid dari pelbagai penjuru dunia Islam. Tidak lebih dari 400 murid dalam setiap majlis ilmu yang dihidungnya, lebih-lebih lagi setelah kematian ayah beliau, Abu Sa'id Sahnun pada tahun 240H. Beliau menggantikan kedudukan ayahnya dalam pengajaran ilmu dan peradaban. Keadaan di masjid beliau semasa pengajarannya, seolah-olah terdapat pesta kerana meriah dengan kehadiran orang ramai dan murid-muridnya. (Al-Husain, 1991) Begitu juga halaqah pengajaran yang diadakan di rumah beliau. Majlis pengajian dan halaqah beliau menjadi tumpuan sehingga bandar Qairawan dikenali dengan *Madrasah Sahnuniyyah*. (Al-Maliki, 1994)

#### vi) Perdebatan.

Ibnu Sahnun hidup dalam suasana percakapan pandangan berkaitan masalah akidah ini terus berlaku pada era beliau menjadi seorang ulama terutamanya daripada golongan mazhab Hanafi Muktazili. Pengetahuan beliau yang

mendalam berkaitan pandangan ahli kalam dan kehebatan beliau dalam perdebatan dan kebijaksanaan menolak pandangan menjadikan beliau berhadapan dengan banyak pihak termasuklah para fuqaha dan pemerintah yang cenderung kepada pandangan Muktaẓilah. Terutama apabila berhadapan dengan *ahli kalam wal mutakallimin*, beliau sangat bijak dan berhati-hati dalam perdebatan dan mengutarakan pendapat. (Hawalah, 2000) Ibnu Sahnun diajar cara berdebat yang baik oleh Muhammad bin Nasr bin Hadhram, merupakan seorang ulama al-mutakallimin menggunakan tariqah ahli sunnah yang banyak berdebat dalam menolak kesilapan pegangan *Muktaẓilah*, *Khawarij* dan *Rafidhah*. (Al-Khushani, 1993)

### **vii) Bidang Lain**

Ibnu Sahnun juga terkenal sebagai seorang ahli sejarah semasa pemerintahan Aghalibah di Afrika. Beliau telah menulis beberapa karya dalam sejarah termasuklah berkaitan biodata lapisan fuqaha dan ulama dan perkembangan sejarah di Afrika. (Hawalah, 2000) (Suradi M. A., 2012) (Sha'ban, 1995) menyatakan di dalam tulisan beliau bahawa Ibnu Sahnun yang dilahirkan pada tahun 202M di Qairawan merupakan pusat pemikiran Islam dan gedung ilmu Mazhab Maliki.

### **4.5 Karya Penulisan**

Sumbangan keilmuan Ibnu Sahnun bukan sahaja melalui kelas-kelas pengajaran dan perbincangan, bahkan juga melalui hasil catatan dan penulisan. Ibnu Sahnun terkehadapan dalam penulisan dan penyusunan risalah dan buku berkaitan pelbagai bidang ilmu. Beliau mempunyai banyak karya hasil daripada penulisan dan penyusunan bahan ilmiah. (Al-Haris, t.th) Terdapat hampir 200 buku hasil penyusunan dan penulisan beliau, dan menjadi rujukan penulis selepas beliau dalam bidang sejarah Islam, bibliografi ilmunan dan ensaiklopedia Fiqh. (Al-Maliki, 1994) hanya dua buah kitab yang diperolehi secara komprehensif dan dapat dibaca sehingga sekarang, iaitu Kitab *Adab al- Mu'allimin* dan Kitab *Al-Ajwibah* atau *Fatawa Ibnu Sahnun*.

Antara karya dan hasil penulisan Ibnu Sahnun:

1. Kitab *al-Musnad fil Hadith* (merupakan kitab yang besar) ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
2. Kitab *al-Jami'* (merupakan kitab yang besar dan masyhur, menghimpunkan pelbagai bidang ilmu dan Fiqh dan mengandungi 60 jilid) ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)

3. Kitab *al-Siyar* (20 jilid). (ada yang menyatakan bahawa kitab ini mengandungi 100 bahagian, iaitu 20 bahagian berkaitan *al-Siyar*, 25 bahagian berkaitan *al-Amthal*, 10 bahagian berkaitan *adab al-Qudhat*, 5 bahagian berkaitan *al-Faraid*, 4 bahagian berkaitan *al-Iqrar*, 4 bahagian berkaitan *al-Tarikh wal Tabaqat* dan selebihnya berkaitan pelbagai bidang ilmu) ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
4. Kitab *Tafsir al-Muwattha'* (empat jilid) ('Iyadh, 1983)
5. Kitab *al-Iman wa al-Radd 'ala Ahl al-Shirk* ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
6. Kitab *al-Hujjah 'Ala al-Qadariyyah* ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
7. Kitab *al-Hujjah 'Ala al-Nasara* ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
8. Kitab *al-Ibahah* ('Iyadh, 1983)
9. Kitab *al-Radd 'ala al-Fikriyyah* ('Iyadh, 1983) / *al-Radd 'ala al-Bakriyyah* (Ibnu Farhun, 1982)
10. Kitab *al-Wara'* (ramai yang berpendapat kitab ini terdiri dari 200 bab) ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
11. Kitab *al-Radd 'ala Ahl al-Bid'i* (3 jilid). 1 ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
12. Kitab *fi'l-Radd ala al-Shafi'i wa Ahl al-'Iraq iaitu Kitab al-Jawabat* (5 jilid) ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
13. Kitab *Tabaqat al-Ulama'* (7 jilid) ('Iyadh, 1983)
14. Kitab *al-Ashribah* ('Iyadh, 1983)
15. Kitab *Gharib al-Hadith* (3 jilid). ('Iyadh, 1983)
16. Kitab *al-Tarikh* (6 jilid) 1 ('Iyadh, 1983) (Ibnu Farhun, 1982)
17. Kitab *al-Imamah* (apabila kitab ini tiba di Baghdad, ia ditulis dengan tinta emas dan dihadiahkan kepada khalifah dan kitab ini menjadi kebanggaan penduduk Iraq) ('Iyadh, 1983; Mahluf, 1349; Al-Dibagh, 1968; Ibnu Farhun, 1982)
18. Kitab *Adab al-Mu'allimin* (Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972)
19. Kitab *al-Ajwibah* (telah di susun semula oleh murid Ibnu Sahnun iaitu Muhammad bin Salim al-Qattan). (Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972) Kitab ini juga ditahqiq oleh Mustapha Mahmud al-Azhari dan diberi nama Kitab *Fatawa Ibnu Sahnun*. (Al-Azhari, 2011)
20. Kitab *Tahrim al-Nabiz / al-Muskir* (3 jilid) ('Iyadh, 1983; Ibnu Farhun, 1982)
21. Syarah empat bab dari kitab *Al-Mudawwanah* (Abdul Maula, 1981)
22. Kitab *Ahkam al-Quran* ('Iyadh, 1983; Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi, 1972)
23. Kitab *Masailul Jihad* (20 juzuk) (Abdul Maula, 1981)
24. Kitab *Nawazil al-Solat* (Mahluf, 1349)
25. Kitab *al-Zuhd* (Mahluf, 1349)

26. *Risalah fil Sunnah* (Ibnu Farhun, 1982)
27. *Risalah fi Man Sabba al-Nabi SAW* ('Iyadh, 1983; Ibnu Farhun, 1982)
28. *Risalah fi Adab al-Munazarah* (2 jilid) / *Adab al-Mutanazirin* ('Iyadh, 1983; Ibnu Farhun, 1982)

#### **4.6 Kitab Adab al-Mu'allimin**

Menurut Gamal (2003), Kitab *Adab al-Mu'allimin* karya Ibnu Sahnun merupakan buku pertama yang dihasilkan dalam pendidikan Islam dan sangat penting dijadikan rujukan dan panduan dalam pendidikan. Buku tersebut berupa catatan soal jawab hasil perbincangan antara Ibnu Sahnun dan ayah beliau berkaitan pendidikan di *kuttab* itu telah dijadikan sumber rujukan besar dan banyak dipetik oleh para tokoh pendidikan Islam selepas beliau seperti Al-Qabisi, Miskawayh, Ibnu Khaldun dan lain-lain.

Pada asasnya Ibnu Sahnun telah mencatat isu berkaitan pendidikan mengikut pandangan Mazhab Maliki serta hasil pandangan beliau terhadap persoalan yang timbul pada masa pengajaran beliau di *kuttab*. Bertitik tolak daripada pandangan seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang fiqh, dengan merujuk kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, perbincangan dan pandangan pendidikan Ibnu Sahnun (m256H) di dalam Kitab *Adab al-Mu'allimin* adalah menggunakan metode ahli fiqh membuat perbincangan dan mengeluarkan pandangan dalam menyelesaikan masalah yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah, dan sesetengah hukum yang dikeluarkan adalah berbentuk cadangan kepada isu yang dibimbangi akan berlaku pada masa akan datang. Hasil penulisan beliau boleh dijadikan panduan pendidikan kepada semua pihak terutamanya guru dan ibu bapa. (Al-Hunaidi, 2015).

Kitab *Adab al-Mu'allimin* ini mengandungi sepuluh fasal yang terdiri daripada 145 perkara. (Adil, 2014) Kandungannya meliputi bidang pengurusan sekolah, pengurusan guru dan profesionalisme keguruan, pengurusan murid, pengurusan kurikulum dan pedagogi, pengurusan sumber pengajaran, hubungan sekolah dengan ibu bapa dan hubungan sekolah dengan masyarakat. Keseluruhan perkara ini diberi perhatian oleh Ibnu Sahnun berdasarkan prinsip *fiqhiyyah* dalam usaha membentuk sistem pendidikan yang komprehensif untuk mendidik kanak-kanak secara holistik dan sepadu. Tujuan utama pendidikan beliau adalah untuk melahirkan individu yang alim, amil dan abid melalui pendidikan al-Quran dan berteraskan pendidikan spiritual.

Hasil catatan beliau ini merupakan persembahan pengalaman pendidikan dan pembelajaran beliau di *kuttab*, serta pandangan dan cadangan terhadap penyelesaian isu-isu pendidikan berdasarkan pengalaman dan kelimuan beliau dalam pelbagai bidang terutama al-Quran dan al-hadith.

Kitab ini telah menjadi rujukan dan panduan pendidikan Islam di dalam semua aspek termasuklah pendidikan kanak-kanak.

## 5. Kesimpulan

Pemaparan hasil analisis biografi beliau bukan sekadar pembongkaran fakta sejarah seorang tokoh, tetapi juga sebagai satu teladan dalam perkembangan seorang tokoh yang bermula dari penekanan pendidikan dan pengalaman dari usia kanak-kanak. Hasil analisis menunjukkan biografi Ibnu Sahnun sebagai seorang ulama pendidikan kanak-kanak melalui latar belakang kehidupan yang baik dan keluarga yang berpendidikan serta alim. Beliau juga mempunyai latar belakang pendidikan yang baik ditambah dengan pengalaman ilmiah dan kuliah bersama ayah serta ulama terkenal pada ketika itu. Ibnu Sahnun juga mempunyai keunggulam sahsiah serta mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu. Keilmuan beliau juga dikemukakan dalam pelbagai karya penulisan dan karya beliau khusus berkaitan pendidikan ialah Kitab *Adab al-Mu'allimin*.

Semoga hasil kajian yang dikemukakan di sini memberi manfaat kepada ibu bapa dan pelaksana pendidikan kanak-kanak dalam usaha mengenali lebih ramai tokoh pendidikan kanak-kanak muslim. Ia juga menjadi cetusan kepada kajian-kajian yang boleh mengembangkan lagi pemikiran dan ketokohan Ibnu Sahnun untuk kelestarian pendidikan kanak-kanak dan pendidikan Islam.

## Rujukan

- Abdul Maula, M. (1981). *Tahqiq Kitab Adabul Mu'alimin Muhammad Ibnu Sahnun*. Jazirah: Al;-Syarikah a;-Wataniah lil Tauzi'.
- Abu al-Arab, a.-T. a.-M.-A. (t.th). *Tabaqat 'Ulama Ifriqiah wa Tunisiyah*. Beirut: Darul Kitab al-Lubnani.
- Abu Bakar Abdullah, b. M.-M. (1994). *Riyadhul Nufus Fi Tabadat Ulama' al-Qairawan wa Ifriqiah*. Beirut: Dar al-Arab al-Islami.
- Adil, A. A. (2014). *Kitab Adabul Mu'allimin*. Beirut: Darul Lu'lu' Liltiba'ah wal Nasyr.
- Afridi, M. (2016). Reviving The Muslim Tradition of Dialogue: A Look at a rich history of Educational Theory and Institutions in pre-modern and modern times. *Comparative and International Education*, 1-11.
- Al-Aqil, A. (2014). *Al-Tarbiah al-Islamiah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Azhari, M. M. (2011). *Tahqiq Fatawa Ibnu Sahnun*. Riyadh: Dar Ibnul Qayyim.
- al-Bustani. (1887). *Kitab Dairah al-Ma'arif*. Beirut: Matba'ah al-Adabiah.
- Al-Dibagh, A. Z.-A. (1968). *Ma'alim al-Iman fi Makrifati Ahlil Qairawan*.
- Al-Haris, M. b. (t.th). *Tabaqat 'Ulama Ifriqiah*. Beirut.
- Al-Hunaidi, H. A. (2015). *Ara' al al-Tarbiyah Inda Ibnu Sahnun fi Kitab Adabul Mu'allimin wal Muta'allimin*. Madinah: Wizarah al-Taalim al-'Ali.
- Al-Husain, b. M. (1991). *Madrasah al-Hadis fil Qairawan Min Fathil Islam ila Muntasifil Qarnil Khamis al-Hijri*. Riyadh: Al-Dar al-Aliyah al-Maktab al-Islami.
- Al-Jazari, I. b.-A. (tt). *Al-Lubab fi Tahzib al-Ansab*. Baghdad: Maktabah al-Masna.

- Al-Khushani. (1993). *Tabaqat "Ulama Afriqiah*. Kaherah: Matabah Madbuli.
- Al-Khusyani, A. A. (1994). *Qudhat Qurtubah wa Ulama Ifriqiah*. Kaherah: Maktabah al-Khanjabi.
- Al-Maliki, A. B. (1994). *Riyadhun Nufus fi Tabaqati Ulama' al-Qairawan wal Afriqiah*. Beirut: Dar al-Arabi al-Islami.
- al-Sabti, ' . b. (t.th). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalaik li Makkrifati A'alam Mazhab Malik*.
- Al-Zahabi, S. b. (1996). *Sairu A'alam An-Nubala'*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Azib, M. Z. (1992). *Imam Sahnun*. Kaherah: Darul Furjani.
- Hasan Husni Abdul Wahab, Muhammad al-'Arusi al-Mattwi. (1972). *Tahqiqat Kitab Adabul Mu'allimin li Muhammad Ibnu Sahnun*. Tunisia.
- Hawalah, Y. B. (2000). *Al-Hayah al-Ilmiah fi Ifriqiah (Al-Maghribi Al-Adna)*. Mekah al-Mukarramah: Jamiah Ummul Qura.
- Hilgendorf, E. (2003). Islamic Education: History and Tendencies. *PEABODY JOURNAL OF EDUCATION* 78(2), 63-75.
- Ibnu Farhun, I. b. (1982). *Al-Dibaj al-Mazhab fi Makrifati 'Ulama A'Ayan al-Mazhab*. Madinah: Darul Kutub.
- Ibnu Khaldun, M. b. (1886). *al-Muqaddimah*. Beirut: Darul Kitab al-Lubnani.
- 'Iyadh, b. M.-S. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalaik li Makkrifati A'alam Mazhab Malik*. Morocco: Wizarah al-Auqaf wal Syu'un.
- Mahluf, M. b. (1349). *Syajarah al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikhah*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Salafiah.
- Makhluf, M. b. (1931). *Syajaratul Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikhah*. Kaherah: Al-Matb'ah al-Salafiah.
- Malkawi, F. h. (1900). *Al-Turas al-Tarbawi al-Islami*. Riyadh: Al-Maahad al-Alami lil-Fikri al-Islami.
- Manik, W. (2016). Pemikiran Pendidikan Ibnu Sahnun. *WARAQAT*, 16.
- Muhammad, M. (1984). *Tarajum al-Muallifin al-Tunisiyyin*. Beirut: Dar al-Arab al-Islami.
- Muhammad, M. Z. (1988). *Al-Qairawan wa Dauruha fi al-Hadharah al-Islamiah*. Beirut: Darul Manar.
- Nurhayati. (2015). Pemikiran Ibnu Sahnun Dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Serambi Tarbawi*, 2.
- Rusleda, A. (2018). *Pemikiran Pendidikan Hasan Langgulung Dan Kesesuaian Dengan Pendidikan Prasekolah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahin, A. (2013). *New Directions in Islamic Education; Pedagogy and Identity Formation*. United Kingdom: Kube Publishing Ltd.
- Sha'ban, M. (1995). Muhammad Ibnu Sahnun: An Educationaist And Faqih. *Muslim Education Quarterly*, 37-54.
- Sha'ban, M. I. (1995). Muhammad Ibnu Sahnun: An Educationalist and a Faqih. *Muslim Education Quarterly*, 37-54.
- Sodiqi, M. (2019, Mei 19). *Manar Al-Islam*. Retrieved from Manar Al-Islam: <https://www.islamanar.com/ملاح-المدرسة-السحنونية-في-التربية-وا/>
- Suradi, M. A. (2012). *Biografi Ulama Pendidikan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Zaitun, M. M. (1977). Al-'Alaqt al-Saqafiah baina al-Qairawan wa baina Marakiz al-Fikri fil Masyriq. *Majalah Kuliah al-'Ulum al-Ijtima'iyah*, 367-373.
- Zuhrah, M. A. (2008). *Malik hayatuhu wa 'Asruhu, Arauhu al-Faqih*. Kaherah: Darul Fikr al-Arabi.